

Headline	Petronas Gas, ST masih berbincang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	244 cm <sup>2</sup>
Journalist	Zunaidah Zainon	AdValue	RM 4,867
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,601



# Petronas Gas, ST masih berbincang

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 17 April** - Petronas Gas Berhad bersama syarikat induknya, Petroliam Nasional Berhad masih lagi berbincang dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) berhubung struktur liberalisasi industri gas termasuk dari segi tarif dan beberapa aspek teknikal.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Yusa' Hassan berkata, ST memberi masa setahun kepada Petronas Gas untuk bersedia menghadapi liberalisasi tersebut supaya ia dapat memberi manfaat kepada pihak berkepentingan dan pengguna.

Katanya, pihaknya menyokong sebarang langkah liberalisasi tersebut dan membenarkan pihak ketiga untuk menggunakan kemudahan mereka terutama terminal pengisian gas (regasification) dan sistem pemindahan gas.

"Kami yakin liberalisasi ini akan menyokong sistem hiliran gas supaya lebih kompetitif. Dalam masa sama, ia juga akan memberi tambahan pendapatan kepada syarikat memandangkan syarikat-syarikat berkenaan akan menggunakan terminal sedia ada kami bagi mengimport gas asli cecair."

"Malah, kami sentiasa bekerjasama dengan kerajaan untuk memastikan kedua-dua pihak dan juga industri mendapat manfaat daripada langkah liberalisasi ini," katanya selepas Mesyuarat Agung Tahunan Ke-34 Petronas Gas di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Petro-

nas Gas, Datuk Mohd. Anuar Taib dan Ketua Pegawai Kewangan Petronas Gas, Aida Aziza Mohd. Jamaludin.

Liberalisasi gas akan menyaksikan pengimportan gas asli akan terbuka luas kepada pihak ketiga berbanding sebelum ini hanya terhad kepada Petronas.

Untuk itu, kerajaan mewartakan Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2015 merangkul seksyen baharu yang memberi kuasa kepada menteri bertanggungjawab bagi urusan petroleum untuk meluluskan lesen bagi

pengisian atau pengedaran dan pengangkutan gas.

Seksyen baharu itu membolehkan ST mengeluarkan lesen untuk pengisian atau pengedaran gas dengan kelulusan menteri tersebut. Lesen pengangkutan gas itu hanya diberikan kepada individu yang dilantik oleh menteri berkenaan.

Dalam pada itu, Yusa' memberitahu, buat masa ini, projek Petronas Gas di Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) berjalan mengikut jadual yang ditetapkan iaitu Terminal Pengisian Gas Asli Cecair di Pengerang, Projek Saluran Paip Gas Pengerang (PGPP) dan Unit Pengasingan Udara (ASU).

"Apabila ia beroperasi kelak, projek berkenaan akan memberi tambahan pendapatan kepada Petronas Gas dan mengintegrasikan kita dalam PIC, yang akan muncul hab utama bagi hiliran minyak dan gas," katanya.

Yang turut hadir Pengerusi Petro-



MOHD. ANUAR TAIB (tengah) bersama Aida Aziza Mohd. Jamaludin dan Yusa' Hassan (kiri), dalam sidang akbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan Petronas Gas Berhad di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MD.SHAHJEHAN MAAMIN